



KENYATAAN MEDIA

OLEH
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

LIPUTAN MEDIA MASSA MESYUARAT KHAS PARLIMEN

Parlimen Malaysia memberi perhatian yang serius terhadap keadaan wabak COVID-19 fasa masa ini di seluruh negara amnya dan di Selangor serta Kuala Lumpur khususnya. Dalam keadaan di mana **kawasan Parlimen Malaysia berada di bawah Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara**, adalah menjadi keperluan undang-undang agar semua Prosedur Operasi Standard (SOP) dan syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dipatuhi oleh semua pihak termasuklah Parlimen Malaysia.

2. Sementara itu, Parlimen Malaysia juga amat kuarir dengan penularan COVID-19 varian *Beta* dan *Delta* yang kini berada di dalam komuniti dan masyarakat beberapa kawasan di Malaysia. Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa varian *Beta* dan *Delta* ini menular dengan cepat dan kadar kebolehjangkitannya amat tinggi sekali.

3. Mengambil kira perkara-perkara di atas dan demi menjaga kebaikan dan kesejahteraan semua pihak yang akan berada di kawasan Parlimen Malaysia semasa sidang khas yang akan bermula pada 26hb Julai kelak, Parlimen Malaysia telah memutuskan untuk menghadkan jumlah kehadiran orang-ramai di Bangunan Parlimen. Langkah ini adalah perlu demi membendung dan mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19 semasa sidang khas tersebut.

4. Parlimen Malaysia dengan itu memutuskan bahawa jumlah agensi berita dan pengamal media dihadkan kepada 72 orang sahaja. Agensi-agensi media yang akan dibenarkan hadir di Bangunan Parlimen seperti berikut:

BILANGAN PETUGAS MEDIA

MEDIA RASMI

BIL	AGENSI	KUMPULAN	PETUGAS
1.	RTM	KREW SIARAN LANGSUNG	28
2.	BERNAMA	WARTAWAN DAN JURUGAMBAR	14
3.	JABATAN PENERANGAN MALAYSIA (JaPen)	JURUGAMBAR	8
4.	FINAS	JURUGAMBAR	3

...2/-

MEDIA-MEDIA LAIN

BIL	AGENSI	KUMPULAN	PETUGAS
1	TV AL-HIJRAH	TV JAKIM	2
2	TV3	MEDIA PRIMA	2
3	BERITA HARIAN		1
4	NEW STRAITS TIMES (NST)		1
5	ASTRO AWANI	TV	2
6	UTUSAN MALAYSIA	AKHBAR BAHASA MELAYU	1
7	SINAR HARIAN	AKHBAR BAHASA INGGERIS	1
8	THE STAR		1
9	THE SUN		1
10	SIN CHEW DAILY	AKHBAR BAHASA CINA	1
11	NANYANG SIANG PAU	AKHBAR BAHASA TAMIL	1
12	MALAYSIA NANBAN		1
13	CHANNEL NEWS ASIA	MEDIA ANTARABANGSA (TV)	2
14	MALAYSIA KINI	ONLINE	1
15	PNBBC	ONLINE	1
		JUMLAH	72

5. Di dalam memilih agensi-agensi berita di atas, sekretariat Parlimen Malaysia mengambil kira keperluan untuk memastikan sebanyak mungkin agensi berita, jenis serta bahasa penyiaran berita dan keluasan liputan agensi-agensi berkenaan untuk menjamin liputan sidang khas yang bermutu yang boleh diikuti oleh semua lapisan masyarakat. Ini demi memenuhi kehendak kebebasan media dan kebebasan bersuara seperti yang dijamin di dalam Perlembagaan Persekutuan.

6. Walaupun kehadiran pihak media secara fizikal di Bangunan Parlimen adalah terhad oleh kerana kekangan wabak COVID-19, **Parlimen Malaysia akan memperkenalkan dan menyediakan kemudahan platform sidang media secara hibrid dan sesi temu bual interaktif secara eksklusif dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat melalui aplikasi Zoom.**

7. Sidang media dan temu bual secara maya ini akan dapat memberi peluang kepada semua pengamal media yang tidak dapat hadir secara fizikal di Bangunan Parlimen untuk mengambil bahagian di dalam semua sidang media ataupun temu bual yang mungkin diadakan oleh mana-mana Ahli Parlimen ketika sidang khas diadakan.

8. Bagi tujuan ini, Parlimen Malaysia akan menyediakan satu bilik khusus yang akan menempatkan dua buah komputer berserta kelengkapan audio visual dengan pautan Zoom khas. Pihak media boleh menghubungi Setiausaha Akhbar Yang di-Pertua Dewan Rakyat atau Bahagian Komunikasi Korporat (BKK) Parlimen sekiranya ingin mengadakan sesi interaktif bersama mana-mana Ahli Parlimen Dewan Rakyat. Begitu juga sebaliknya, mana-mana Ahli Parlimen Dewan Rakyat juga boleh berbuat demikian untuk berinteraksi secara eksklusif dengan mana-mana wakil media sama ada secara berkumpulan atau individu (*one to one*).

9. Sementara itu, liputan sidang media secara langsung melalui *YouTube Live Stream* di pusat media pada kali ini akan diberi sentuhan pembaharuan dengan memperkenalkan inovasi di mana wartawan yang berada di luar Bangunan Parlimen juga boleh turut hadir secara maya dengan capaian aplikasi Zoom yang akan disediakan.

...3/-

10. Pengamal media juga boleh mengikuti siaran secara langsung yang disediakan melalui pelbagai saluran sedia ada seperti *YouTube Live Stream*, di Portal Rasmi Parlimen Malaysia (<http://rtmparlimen.rtm.gov.my/>), MyKlikRTM (<https://myklik.rtm.gov.my>), dan BERNAMA (<https://bernama.com>) bagi membuat laporan.

11. Semua gambar-gambar penting sepanjang persidangan akan dirakam oleh jurugambar rasmi Parlimen Malaysia bersama jurugambar Jabatan Penerangan Malaysia dan pihak media boleh mendapatkannya melalui pautan yang disediakan.

12. Saya berharap pendekatan pengurusan media yang baharu ini akan dapat membantu mengurangkan risiko kebolehjangkitan COVID-19 khususnya dalam kalangan pengamal media di Parlimen Malaysia. Saya juga sangat berbesar hati untuk membawa Parlimen menerokai norma baharu dunia kewartawanan seiring dengan Revolusi Industri (IR 4.0) dan pada masa yang sama dapat membantu meringankan bebanan di pihak pengamal media untuk menanggung kos yang tinggi dan menghadapi pergerakan yang terbatas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

13. Kerjasama penuh dari semua Ahli Parlimen dan juga pihak media di dalam hal ini adalah amat dihargai. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk bersama-sama mengurangkan risiko dan membendung penularan wabak COVID-19 serta juga menjaga kesihatan dan kesejahteraan ahli-ahli keluarga dan komuniti kita sendiri dan pada masa yang sama memenuhi kehendak kebebasan media dan kebebasan bersuara.

Sekian, terima kasih.

DATUK AZHAR AZIZAN HARUN

Yang di-Pertua Dewan Rakyat

23 Julai 2021
Parlimen Malaysia
KUALA LUMPUR